



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 10/2018**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PENGAWAS MCR  
TANGGAGAJI C.3-4 EB.5  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Radio Televisyen Brunei**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di manapun sahaja di Negara Brunei Darussalam.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III**

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (Jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “*Current Government Employee*”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian / Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian / Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile


### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: PENGAWAS MCR</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI</b>
	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: III</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: C.3-4 EB.5 (\$1,990 – \$2,970 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (01)</b>

### **KELAYAKAN MINIMUM**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Penyiaran / Komunikasi Massa / Komputer atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

#### **ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Vision Mixer atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

#### **ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan computer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAS MCR:**

1. Mengawal dan mengawasi siaran di Bilik Kawalan Utama Televisyen (*Play-Out Centre*) dengan memastikan siaran berjalan dengan lancar serta berkualiti tinggi.
2. Mengemaskinikan dan memastikan senarai susunan rancangan di dalam Sistem Automasi (*Playlist*) adalah betul sebelum siaran.



3. Memastikan iklan-iklan perdagangan, promo-promo rancangan, kempen kerajaan, selingan dan sebagainya dipindah ke pita video ataupun di 'ingest' ke dalam 'server' untuk siaran.
4. Hendaklah sentiasa berada di Bilik Kawalan Utama Televisyen (*Play-out Centre*) semasa siaran serta bersedia bertindak dan membuat tindakan cepat dan tepat sekiranya berlaku sesuatu perkara / masalah yang tidak diduga semasa siaran.
5. Bertanggungjawab ke atas penggunaan alat-alat yang digunakan di Bilik Kawalan Utama Televisyen (*Play-Out Centre*).
6. Mencatat laporan iaitu Log Siaran setiap kali setelah selesai bertugas.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.